

TERHAD



PROSPEK KERJAYA
PERAJURIT MUDA UDARA SIRI 55/16

Peluang keemasan kepada belia negara untuk menjadi salah seorang warga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melalui kemasukan sebagai anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di dalam pelbagai bidang kepakaran dan cawangan.

KELAYAKAN

Pemohon yang memenuhi kelayakan seperti berikut akan dipertimbangkan untuk perlantikan ke pangkat **Perajurit Muda Udara (PjM U)** dan mengikuti **Latihan Asas Ketenteraan**:

1. **Syarat Akademik**. Pemohon memenuhi salah satu daripada syarat akademik berikut:
 - a. **Skim SPM**. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu, Matematik** dan Salah Satu **Mata Pelajaran Sains** (Sains/Sains Tambahan/Fizik/Kimia/Biologi/Matematik Tambahan); serta **Lulus** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris**. **[Gaji Permulaan : RM1,137.00]**
 - b. **Skim SKM**. **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas** dalam bidang tertentu; dan mendapat **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** serta **Lulus** mata pelajaran **Bahasa Inggeris, Matematik** dan Salah Satu **Mata Pelajaran Sains** (Sains/ Sains Tambahan/ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan) di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**. **[Gaji Permulaan : RM1,202.84]**
 - c. **Skim Diploma**. **Diploma dalam Bidang Kejuruteraan*** (Rujuk Jadual Senarai Diploma Kejuruteraan) dan mendapat **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** serta **Lulus** mata pelajaran **Bahasa Inggeris, Matematik** dan Salah Satu **Mata Pelajaran Sains** (Sains /Sains Tambahan /Fizik /Kimia /Biologi /Matematik Tambahan) di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**. **[Gaji Permulaan : RM1,899.07]** Diploma hendaklah disahkan pengiktirafan setaraf dengan Diploma Kejuruteraan oleh JPA. Keutamaan akan diberikan kepada graduan dari Politeknik dan IPTA.

TERHAD

TERHAD

2. **Syarat Lain.** Warganegara Malaysia memenuhi kesemua syarat berikut:
- a. **Umur.** Hendaklah **tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 24 tahun** pada **1 Jul 2016** (Tarikh Angkat Sumpah).
 - b. **Tahap Kesihatan.** Tidak **cacat anggota badan**, tidak pernah mengalami **kecederaan teruk** seperti patah tulang dalam tempoh 2 tahun kebelakang, tidak menghidap **penyakit Asma/Lelah** atau **penyakit kronik** yang lain.
 - c. **Tahap Penglihatan.** Penglihatan hendaklah terang dan jelas **tanpa** menggunakan **kaca mata atau kanta lekap/sentuh**; dan memiliki **pengecaman warna yang sempurna** (Tidak Rabun/Buta warna).
 - d. **Tahap Pendengaran.** Kebolehan mendengar yang baik **tanpa** menggunakan **alat bantu pendengaran**.
 - e. **Fizikal.** Memenuhi syarat fizikal seperti berikut:
 - (1) **Berat Badan Minimum.** Lelaki – 47.5 kg / Wanita – 40.5 kg.
 - (2) **Ketinggian Minimum.** Lelaki – 1.62 m / Wanita – 1.57 m.
 - (3) **Indeks Jisim Badan (BMI).** Diantara 18 hingga 25 (Lelaki dan Wanita).
Cara pengiraan:
$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat (kg)}}{\text{Tinggi (m)} \times \text{Tinggi (m)}}$$
 - (4) **Ukuran Dada Minimum.** Lelaki sahaja – 76 cm (keadaan biasa).
 - f. **Taraf Perkahwinan Pemohon Wanita.** Hanya terbuka kepada wanita bujang sahaja.
 - g. **Kecergasan Jasmani.** Memiliki tahap kecergasan jasmani yang tinggi. Cara menguji:
 - (1) **Larian 2.4 km** – Kurang dari 15 minit.
 - (2) **Lari Ulang-Alik 4 x 10m** – Kurang dari 11 saat.
 - (3.) **Lompat Jauh Berdiri** – Melebihi 221 cm.
 - (4) **Bangkit Tubi** – Melebihi 35 kali dalam masa 1 minit.
 - h. **Sukan.** Keutamaan akan diberikan kepada atlet yang pernah mewakili negeri atau negara dalam kejohanan yang diiktiraf bagi sukan tertentu.

TERHAD

KEISTIMEWAAN

3. **Gaji dan Elaun Tetap.** Pemohon yang berjaya akan mengangkat sumpah setia dan dilantik ke pangkat Perajurit Muda TUDM. Seterusnya akan mengikuti Latihan Asas Ketenteraan selama 6 bulan. Anggota yang berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan akan dinaikkan ke pangkat Laskar Udara II dan ditempatkan di dalam perjawatan Tentera Udara Diraja Malaysia mengikut kepakaran dan cawangan yang telah ditetapkan.

PANGKAT	GAJI ASAS (RM)	ELAUN KHIDMAT (RM)	BAYARAN INSENTIF ATM (RM)	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (RM)**	ELAUN SARA HIDUP (RM)**	KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)
Perajurit Muda TUDM (Semasa Latihan)	1,037.00	115.00	200.00	275.00	125.00	-
Laskar Udara II						
Skim SPM	1,137.00	115.00	200.00	Kadar bergantung kepada kawasan bertugas.	Kadar bergantung pada kawasan bertugas.	100.00
Skim SKM	1,202.84					
Skim Diploma	1,899.07					

** Bergantung kepada syarat dan kelayakan.

4. **Keistimewaan LLP.** Selain daripada menerima gaji dan elaun tetap, anggota TUDM juga akan menerima keistimewaan seperti berikut (tertakluk kepada syarat dan kelayakan):

a. **Elaun dan Insentif.**

- (1) Bayaran Insentif Penerbangan.
- (2) Bayaran Insentif Sabah/Sarawak/Semenanjung.
- (3) Elaun Perjalanan ke Tempat Bertugas.
- (4) Elaun Khas Pasukan Khas Udara.

b. **Keistimewaan Lain.**

- (1) Makan dan tempat tinggal percuma.
- (2) Rawatan perubatan dan pergigian percuma (anggota dan keluarga).
- (3) Pakaian Seragam percuma.
- (4) Waren Perjalanan Tahunan percuma untuk bercuti bersama keluarga.

TERHAD

- (5) Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera.
- (6) Semua jenis Pinjaman Kerajaan.
- (7) Peluang untuk melanjutkan pelajaran melalui Skim Pengajian Tinggi secara percuma.

TATACARA PEMILIHAN

5. **Permohonan**. Calon yang berminat boleh memohon melalui permohonan secara atas talian di laman sesawang **www.mafhq.mil.my/JOMMASUKTENTERA/Account/Login**.

6. **Pemilihan**. Calon yang berjaya terpilih akan menjalani 2 peringkat pemilihan seperti berikut:

a. **Pemilihan Awal**. Calon yang berkelayakan dan berminat hendaklah menghadiri sesi temuduga terbuka di Pusat Pemilihan yang telah ditetapkan (di pangkalan tertentu mengikut zon) dengan membawa semua dokumen berikut:

- (1) MyKad (Dokumen Asal).
- (2) Sijil Lahir (Dokumen Asal).
- (3) Salinan MyKad Ibu dan Bapa (Yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara).
- (4) Sijil Akademik SPM/SKM/Diploma (Dokumen Asal). (Surat Pengesahan Tamat Pengajian perlu sekiranya calon masih belum mendapat sijil asal).

* Aktiviti semasa Pemilihan Awal adalah seperti berikut :

- (1) Pemeriksaan Dokumen.
- (2) Pemeriksaan Fizikal.
- (3) Ujian Personaliti.
- (4) Ujian Kecergasan.

b. **Pemilihan Akhir**. Calon yang lulus dalam Pemilihan Awal akan dipanggil untuk Pemilihan Akhir di Pusat Pemilihan yang telah ditetapkan untuk menjalani ujian seterusnya.

7. **Lembaga Pemilihan Akhir Perajurit Muda Udara**. Lembaga yang dipengerusikan oleh Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Udara ini akan memilih calon terbaik dikalangan calon-calon yang berjaya dalam 2 peringkat pemilihan tersebut untuk ditawarkan menyertai TUDM sebagai Perajurit Muda Udara.

8. **Latihan Asas Ketenteraan.** Calon yang terpilih akan melapor diri di Institut Latihan Tentera Udara (ITU), Ipoh untuk menjalani Latihan Asas Ketenteraan selama 6 bulan. Perajurit Muda Udara yang berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan akan dinaikkan ke Pangkat Laskar Udara II dan akan memulakan kerjaya mereka sebagai seorang anggota LLP di dalam TUDM.

9. **Alamat Perhubungan.** Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi alamat berikut:

**MARKAS TENTERA UDARA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
SEL KERJAYA DAN PENGAMBILAN
TINGKAT 7, BANGUNAN TH SELBORN
153, JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2681 2412/13

TERHAD

SENARAI KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN
PENGAMBILAN PERAJURIT MUDA UDARA

SIRI	KELULUSAN DIPLOMA
1.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik)
2.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
3.	Diploma Kejuruteraan Aeroangkasa
4.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik)
5.	Diploma Kejuruteraan Elektro-Mekanikal
6.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
7.	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
8.	Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Teknologi
9.	Diploma Kejuruteraan Elektrik
10.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Kawalan)
11.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
12.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan)
13.	Diploma Kejuruteraan Automotif
14.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
15.	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)

- Diploma diiktiraf setaraf dengan Diploma Kejuruteraan oleh JPA.
- Keutamaan kepada graduan dari Politeknik dan IPTA.

TERHAD

**SENARAI KEPAKARAN DAN KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN PENGAMBILAN
JURUTEKNIK TUDM**

SIRI	KELULUSAN DIPLOMA	KEPAKARAN	TRED	
1.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik)	AIRFRAME	AEROMECH	
2.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal			
3.	Diploma Kejuruteraan Aeroangkasa			
4.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik)	SENJATA/ ELEKTRIK	AEROMECH/ AVIONIK	
5.	Diploma Kejuruteraan Elektro-Mekanikal			
6.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	INSTRUMEN	AVIONIC	
7.	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik			
8.	Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Teknologi	ELEKTRIK		
9.	Diploma Kejuruteraan Elektrik			
10.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Kawalan)			
11.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)			
12.	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan)	GROUND ELECTRONIC		
13.	Diploma Kejuruteraan Automotif	ASE		ASE
14.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)			
15.	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	IT		IT

**SENARAI KEPAKARAN
LAIN-LAIN PANGKAT (LLP) TUDM**

SIRI	KETUKANGAN	KEPERLUAN	
		LELAKI	WANITA
	PENERBANGAN		
1.	KUARTER MASTER UDARA	✓	✗
2.	PRAMUGARI	✗	✓
	KEJURUTERAAN (TUGAS KHUSUS)		
1.	AEROMECH	✓	✓
2.	AVIONIK	✓	✓
3.	ASE	✓	✗
4.	IT	✓	✓
	SISTEM DARAT		
1.	PKTU	✓	✓
2.	JPU	✓	✓
3.	BOMBA	✓	✗
	MATERIEL		
1.	LOGISTIK	✓	✓
2.	PEMANDU	✓	✗
	URUSETIA		
1.	PEMBANTU TADBIR	✓	✓
2.	JASMANI	✓	✗
3.	PEMBANTU SAJIAN	✓	✓
4.	PANCARAGAM	✓	✓
5.	PEMBANTU TAHAN	✓	✓

PETUNJUK :

- ✓ - Ada
- ✗ - Tiada